

# Kekuatan bangsa pun kejayaan - Dr. M

UM 25 APR 1987

**K**UALA LUMPUR 24 April - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kekuatan dan maju - mundurnya sesuatu bangsa itu bergantung pada bangsa itu sendiri dan bukan pada keadaan dunia yang tidak menentu. Beliau menarik perhatian, hanya bangsa yang sanggup bekerja keras dan sanggup bersaing dalam keadaan yang sukar sahaja akan mencapai kejayaan. Dalam ucapan dasar Presiden kepada Perhimpunan Agung UMNO yang ke-38 hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir memberi contoh bagaimana Korea dan Taiwan memperoleh begitu banyak nikmat semasa dunia tidak sihat kerana sikap bangsa mereka yang sanggup bekerja keras. "Soal tidak ada bahan utama atau pasaran tempatan yang besar tidak menghalang mereka. "Semua ini diatasi dengan ketekunan, kerajinan dan disiplin yang dipupuk oleh kebudayaan mereka secara sadar atau tidak sadar," katanya. Ucapan 45 minit beliau yang disiarkan secara langsung oleh RTM dan TV3 diikuti oleh para perwakilan dan pemerhati dengan penuh khusyuk. Datuk Sri Dr. Mahathir menyampaikan ucapan dasar tersebut dengan tenang dan beberapa kali mendapat tepukan. "Apa yang jelas daripada prestasi yang dicapai oleh negara - negara di dunia di zaman kemelesetan ini ialah maju - mundurnya bangsa dan negara bergantung kepada sifat - sifat yang ada pada penduduk atau rakyat. "Jika rakyat sanggup berusaha dengan penuh minat maka berjaya lah negara dan bangsa itu. "Jika sebaliknya, rakyat

tidak sanggup berusaha, segala bantuan menjadi sia - sia sahaja," ujar beliau. Ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyentuh pergolakan politik antarabangsa, imperialisme ekonomi, politik - politik kuasa besar, dasar - dasar negara, ekonomi dan kewangan, bantuan kepada pengusaha dan peniaga kecil, maruah bangsa dan pentingnya Dasar Ekonomi Baru. Mengenai DEB, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, jika kerajaan tidak perlu mengawasi pertumbuhan ekonomi untuk menentukan perbezaan antara kaum, tidak menjadi lebih ketara, atau jika kerajaan sanggup menggugurkan sahaja DEB, pertumbuhan ekonomi negara juga akan meningkat dengan pesat. "Tetapi DEB adalah pilihan kita. Kita tidak mahu berbangga dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat tetapi bumiputera menjadi papa kedana. "Dasar kerajaan sekarang masih lagi didasarkan kepada agihan kekayaan secara adil dan saksama antara kaum walaupun terjejas sedikit pertumbuhan ekonomi. Biarlah kita lambat sedikit asalkan selamat." Selaras dengan penerapan nilai - nilai Islam, kerajaan telah berusaha untuk membersihkan pengurusan dalam semua bidang dan terdedahlah beberapa amalan yang tidak sihat di kalangan para peniaga dan pengurus. Malangnya, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan tidak dapat mengesan dan mendapat bukti secukupnya akan kecurangan pengarah - pengarah, pengurus - pengurus dan peniaga - peniaga. "Tetapi kita tidak berputus asa. Akan kita tentukan penipu akan menerima balasan yang setimpal dengan jenayahnya."

Mengenai maruah bangsa, Perdana Menteri berpendapat ia tidak boleh dipertahankan dengan miminat supaya orang lain tidak menghina bangsa itu, tetapi apa yang perlu dibuat ialah membuktikan bangsa berkenaan mempunyai sifat - sifat yang mulia dan berjaya. Sehubungan dengan itu, kerajaan bercadang mengadakan kursus - kursus secara menyeluruh untuk mendedah dan memperkenalkan kepada orang Melayu khususnya akan sifat - sifat dan sikap - sikap yang menjadi penghalang kepada kejayaan mereka dan bagaimana mereka boleh mengatasi halangan - halangan ini. "Tekanan dalam kursus ini ialah mengkritik diri sendiri dan bukan mengkritik orang lain. Amalan mengkritik orang lain tidak digalakkan kerana orang lain tidak akan membetulkan diri mereka kerana teguran dari kita," jelasnya. Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata falsafah UMNO kini tergugat dan tidak lagi dapat menjamin kejayaan parti oleh kerana beberapa orang ahli yang memilih untuk membelakangkan tradisi dan mendahulukan cita - cita mereka daripada cita - cita bangsa. Perdana Menteri menegaskan masalah dalam parti wujud akibat kekecewaan beberapa ahli yang lebih awal menyertai UMNO oleh kerana generasi muda perlu diberi tempat dalam parti itu. "Masalah pemimpin - pemimpin UMNO ialah sementara minat untuk memeluk gunung ada, tetapi apakan daya tangan tak sampai. Seperti selimut yang pendek, menutup dada mendedahkan paha, menutup paha mendedahkan dada. "Telan mati emak. luah

mati bapa. Masalah ini akan menyerang sesiapa juga yang memimpin UMNO," katanya. Perdana Menteri mengingatkan, tidak ada seseorangpun daripada ahli UMNO atau pemimpin UMNO yang penting walau apapun jawatan mereka termasuk beliau sendiri. Yang penting ialah pertumbuhan UMNO sebagai sebuah badan untuk mengubah nasib orang - orang Melayu. Beliau menambah, tanpa UMNO tidak ada satupun yang boleh dibuat oleh sesiapa daripada kalangan UMNO, walau bagaimana bijak dan pintar orang itu. Kepada perwakilan UMNO beliau berpesan: "Haruslah kita berfikir dengan sedalam - dalamnya tentang peranan kita dalam perhimpunan ini. Janganlah sejarah, janganlah generasi yang akan datang, janganlah anak cucu kita mengutuk kita kerana kita membenarkan nafsu menguasai kita dan kita kecewakan harapan mereka. Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, sejarah menyaksikan peranan UMNO, ahli - ahlinya dan pemimpin - pemimpinnya dan sejarah juga akan memuji atau mengutuk orang Melayu mengikut kejayaan atau kegagalan UMNO. Sambil berkata sejarah memberi nilai yang tinggi terhadap pencapaian UMNO sehingga hari ini, beliau berkata: "Terpulanglah kepada kita semua untuk menentukan hukuman sejarah terhadap apa yang akan terjadi hari ini sehingga kepada dekad - dekad yang akan datang." Menyorot kembali peranan UMNO sebagai teras politik negara, beliau mengakui memang terdapat tragedi dan peristiwa buruk dalam sejarah merdeka tetapi semua peristiwa buruk menjadi peristiwa sementara, berkat kecekapan UMNO yang menerajui kerajaan. Menurutna, sebagai UMNO

kukuh dan kuat, keupayaan UMNO mengatasi masalah tidak boleh dipertikaikan. Falsafah UMNO amat sesuai untuk pemerintahan sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia dan UMNO lah yang memberi kestabilan kepada negara ini. Datuk Sri Dr. Mahathir memetik Allahyarham bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail sebagai berkata bahawa apabila generasi selepas merdeka dewasa, mereka akan menimbulkan masalah kerana mereka tidak tahu pahit maung perjuangan untuk kemerdekaan. Menurut Tun Dr. Ismail, mereka ini akan menganggap kemerdekaan dan segala nikmat daripadanya sebagai perkara biasa dan juga akan mempunyai "expectation" yang tinggi. "Tetapi Allahyarham Tun Dr. Ismail tidak menduga semua masalah yang akan menyerang UMNO. Oleh kerana generasi muda perlu diberi tempat dalam UMNO maka terkecewalah beberapa ahli yang lebih awal menyertai UMNO," ujarnya. Presiden UMNO menekankan, perjuangan UMNO tidak ada tolok